



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
ZON MARITIM LABUAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
NO JKR 214P KM 1.5 JALAN PATAU-PATAU  
87000 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Telefon: 087-453777  
Faks: 087-452999  
Laman Web: [www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)

Ruj. Kami : APMM.DM14.100-10/3/5 (5)

Tarikh : 20 Oktober 2022

## KENYATAAN MEDIA

### 9 PELAUT SELAMAT DARI KARAM

LABUAN, 20 Oktober – Sembilan kru bot tunda terselamat daripada karam akibat daripada kebocoran pada bilik jentera utama di kedudukan lebih kurang 0.9 batu nautika barat laut Pulau Daat, awal pagi tadi.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin bin Jusoh berkata, sejurus Pusat Operasi Zon Maritim Labuan menerima laporan berkaitan kejadian berkenaan, dua aset Maritim Malaysia iaitu sebuah kapal dan sebuah bot peronda yang sedang dalam rondaan Op Sejahtera telah dikerahkan ke lokasi berkenaan.

Kesemua mangsa yang berumur lingkungan 29 tahun hingga 50 tahun telah dipindahkan ke aset Maritim Malaysia dan dibawa ke jeti untuk tindakan selanjutnya. Kesemua mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan.

Maritim Malaysia mengingatkan orang awam untuk melaporkan sebarang kejadian kecemasan atau kemalangan di laut ke talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Labuan di talian 087-427999.

-TAMAT-

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi:

Lk (M) Mohamad Rafie Bin Rifin  
Pegawai Perhubungan Awam  
No. Tel : 018-9462463  
Email : [rafierifin@mmea.gov.my](mailto:rafierifin@mmea.gov.my)